# SOALAN-SOALAN LAZIM
## AR-RAHNU KEMBARA EMAS

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Siapakah penganjur bagi Kempen ini? | Kempen ini dianjurkan oleh Agrobank. |
| 2 | Berapa lamakah tempoh Kempen ini akan dijalankan? | Kempen ini akan bermula dari **15 September 2023 sehingga 31 August 2024.** |
| 3 | Apakah konsep bagi Kempen ini dan apakah konsep Syariah yang dipakai bagi Kempen ini? | Kempen ini berkonsepkan **Cabutan Bertuah (Hibah Muallaqah)**.<br><br>Konsep Syariah yang terpakai untuk Kempen ini adalah **Hibah Muallaqah** dan konsep syariah yang terpakai bagi pembiayaan ini pula adalah **Tawarruq (Murabahah Komoditi) & Rahn (Cagaran).** |
| 4 | Siapakah yang layak menyertai Kempen ini? | **Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu atau sedia ada Agrobank di seluruh Malaysia** yang **menepati Terma dan Syarat Kempen.**<br><br>Warga kerja Agrobank tidak layak untuk menyertai Kempen ini. |
| 5 | Bagaimanakah saya boleh menyertai Kempen ini? | Mekanisme penyertaan adalah seperti berikut:<br>i. Berdasarkan konsep Pembiayaan melalui Cagar dan Menang.<br>ii. Pelanggan perlu melakukan transaksi cagaran emas melalui pembiayaan Ar-Rahnu di mana-mana cawangan Agrobank semasa tempoh Kempen.<br>iii. Pelanggan hendaklah membayar kadar keuntungan bersesuaian bagi setiap akaun untuk layak menyertai kempen ini. |

<table>
<tr>
<td>6</td>
<td>Bagaimanakah saya boleh memenangi Hadiah untuk Kempen ini?</td>
<td>Dalam menentukan pemenang Kempen, sistem Mata Penyertaan (MP) adalah seperti berikut. Untuk setiap satu (1) MP, pelanggan akan mempunyai peluang untuk menyertai satu cabutan. Oleh itu, semakin tinggi Nilai Marhun emas yang dicagar dengan Bank semasa tempoh Kempen, semakin tinggi peluang memenangi hadiah.</td>
</tr>
<tr>
<td>7</td>
<td>Bagaimanakah kiraan Mata Penyertaan (MP) bagi Kempen ini?</td>
<td>Pelanggan yang layak akan diberikan Mata Penyertaan berdasarkan Nilai Marhun yang ditetapkan oleh Bank seperti yang tertera dalam Rajah di bawah.
<table>
<tr><th>PRODUK</th><th>NILAI MARHUN</th><th>MATA PENYERTAAN (MP)</th></tr>
<tr><td>Ar-Rahnu</td><td>Setiap RM100</td><td>Satu (1) Mata Penyertaan</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>8</td>
<td>Apakah Hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini?</td>
<td>Pelanggan yang layak dan memenuhi Kriteria Kempen seperti dalam Rajah di bawah akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah berikut:
<table>
<tr><th rowspan="2">Cabutan Bertuah</th><th>JUMLAH PEMENANG</th><th>HADIAH</th></tr>
<tr><td>40</td><td>Pakej Umrah/Percutian bernilai RM10,000.00 setiap satu</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>9</td>
<td>Bolehkah saya memenangi lebih daripada satu (1) Hadiah dalam Kempen ini?</td>
<td>Setiap pelanggan hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sahaja bagi Kempen ini.</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 10 | Bagaimanakah pelanggan akan dimaklumkan jika mereka terpilih sebagai Pemenang Hadiah dalam Kempen ini? | **Pelanggan akan dihubungi oleh cawangan di mana pelanggan membuka akaun dan/atau melakukan transaksi cagaran untuk menyertai Kempen ini** dan nama pelanggan akan **dipaparkan melalui laman sesawang** Agrobank iaitu www.agrobank.com.my .<br><br>Tempoh **penerimaan Hadiah bagi pelanggan yang layak adalah dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh pelanggan dihubungi** oleh pihak Bank. |
| 11 | Adakah Pemenang dibenarkan untuk menukar Hadiah yang diperolehi dengan bentuk / barangan lain? | Pelanggan **tidak dibenarkan untuk menukar Hadiah yang diperolehi** dengan bentuk / barangan lain. Hadiah tidak boleh dipindah milik |
| 12 | Siapa yang perlu saya hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut mengenai Kempen ini? | Pelanggan boleh menghubungi pihak Agobank melalui medium seperti di bawah:-<br>• Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di **talian 1-300-88-2476** atau;<br>• Layari laman sesawang rasmi Agrobank di **www.agrobank.com.my** atau;<br><br>Lawati/Kunjungi **cawangan Agrobank yang berdekatan** |

Nota: Tertakluk kepada Terma & Syarat Kempen.

Cetakan September 2023